

14/02/2002

Pelajar di Pakistan perlu ubah pandangan mengenai Malaysia

Ridzuan Yop; Saufi Hamzah

GEORGETOWN, Rabu - Timbalan Perdana Menteri mengingatkan pelajar Malaysia di Pakistan supaya tidak menyamakan negara ini dengan negara Islam lain yang rakyatnya sering bertindak ekstrim menentang kerajaan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pelajar Malaysia di negara berkenaan mesti sedar bahawa negara ini amat berbeza dalam pelbagai aspek berbanding negara Islam lain yang menjadi anggota Pertubuhan Negara Islam (OIC).

Beliau berkata, mungkin pelajar negara ini yang berada di Pakistan terbawa-bawa dengan sikap rakyat negara itu yang tidak suka kepada kerajaan yang memerintah.

"Malaysia adalah Malaysia. Malaysia amat berlainan dan mempunyai komposisi kaum yang berlainan.

"Pelajar Malaysia yang berada di sana juga nampaknya terpengaruh dengan kegiatan Mujahidin atau Taliban yang berada di Pakistan.

"Sepatutnya mereka (pelajar Malaysia di Pakistan) lebih menyedari negara kita tidak boleh disamakan dengan negara Islam lain dalam OIC," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina, anjuran Parti Gerakan di Bangunan Moral Uplifting, di Jalan MacLister, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar tempatan bahawa sebuah pertubuhan pelajar Malaysia di Pakistan yang dikatakan giat menjalankan kempen meracuni pemikiran pelajar negara ini termasuk mempengaruhi mereka supaya menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Pertubuhan itu dikatakan menjalankan kegiatan mereka secara terancang, antaranya berselindung di sebalik program usrah dengan menyebarkan dakwah 'menggalakkan penubuhan kerajaan Islam di atas keruntuhan kerajaan jahiliah'.

Abdullah berkata, pelajar lama Malaysia di Pakistan mungkin terpengaruh dengan apa yang berlaku di sana sehingga menyebabkan mereka bertindak menjadi penghasut kepada pelajar baru.

"Isu ini juga ditimbulkan oleh kerajaan Pakistan sendiri. Malah Perdana Menteri kita (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) juga beberapa kali menyentuh kegiatan pelajar kita yang ada di sana.

"Rupa-rupanya pelajar yang baru dari Malaysia dihasut oleh pelajar yang lama belajar di sana.

"Mungkin pelajar lama ini sudah menjalani latihan atau mempunyai hubungan dengan kumpulan tertentu dan kemudiannya bersikap menghasut adik atau anak mereka supaya menentang kerajaan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata majoriti rakyat Malaysia tentu sekali kecewa dan duka cita walaupun negara ini sudah mencapai satu tahap yang dibanggakan tetapi masih ada rakyatnya di luar negara menghasut golongan muda seperti pelajar yang pergi ke Pakistan untuk belajar.

"Pelajar yang terpengaruh ini awal-awal lagi akan terganggu pelajaran dan ini sama sekali merugikan mereka," tambahnya.

(END)